BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/13/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 20 Mac 2013

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2012

Pada tahun 2012, pertumbuhan ekonomi global menjadi sederhana dalam persekitaran yang lebih mencabar berbanding dengan tahun 2011. Dalam ekonomi maju, pertumbuhan adalah tidak seimbang apabila AS mencatat pemulihan yang agak lemah dan kawasan euro terus mengalami kemelesetan. Keadaan ekonomi yang lemah dalam ekonomi maju menjejaskan perdagangan antarabangsa yang seterusnya memberikan kesan limpahan yang ketara terhadap aktiviti dalam negeri ekonomi sedang pesat membangun. Prospek pertumbuhan global yang lebih rendah berserta ketidakpastian fiskal semasa yang berterusan dalam ekonomi maju telah menyumbang kepada ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran bertambah baik menjelang separuh tahun kedua berikutan komitmen yang lebih padu dan langkah penting yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menyelesaikan krisis hutang kerajaan di Eropah.

Walaupun persekitaran luar lemah, prestasi ekonomi Malaysia lebih baik daripada jangkaan dengan pertumbuhan yang lebih pantas dan kualiti pertumbuhan yang lebih tinggi. Laporan Tahunan ini memberikan analisis mengenai perkembangan dalam ekonomi Malaysia dan dasar yang dilaksanakan oleh Bank sepanjang tahun 2012. Ini disertai oleh penilaian terhadap prospek ekonomi Malaysia yang berlatarkan perkembangan yang sedang berlaku dalam landskap ekonomi dan kewangan global serta cabaran utama pada masa hadapan.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2012

Pada tahun 2012, ekonomi Malaysia mencatat prestasi lebih baik daripada jangkaan dengan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.6%. Prestasi pertumbuhan keseluruhan dipacu oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih tinggi, yang mengimbangi kesan negatif daripada persekitaran luar yang lemah. Permintaan dalam negeri mencatat kadar pertumbuhan terpantas bagi dekad ini, disokong oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi. Walaupun wujudnya ketidaktentuan dalam persekitaran luar, keyakinan pengguna dalam negeri meningkat berikutan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan, pasaran pekerja yang terus kukuh, persekitaran inflasi yang rendah dan keadaan pembiayaan yang menyokong aktiviti penggunaan.

Aktiviti pelaburan merupakan pemacu utama ekonomi dalam negeri pada tahun 2012, dengan perbelanjaan modal yang meningkat oleh sektor swasta dan awam. Pelaburan swasta terutamanya adalah kukuh apabila mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 22%. Bahagian pelaburan swasta daripada KDNK meningkat kepada 15.5% pada tahun 2012, paras tertinggi sejak tahun 1998. Ini didorong oleh perbelanjaan modal yang kukuh dalam sektor perkhidmatan berkaitan pengguna, sektor perkilangan berorientasikan dalam negeri dan pelaksanaan projek infrastruktur utama. Pelaburan awam turut mencatat pertumbuhan kukuh 17.1%, didorong oleh perbelanjaan modal lebih tinggi oleh perusahaan awam. Selain itu, prestasi pelaburan yang menggalakkan juga disebabkan oleh pelaksanaan dan kemajuan dalam beberapa projek infrastruktur, termasuk projek yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), dan iklim pelaburan yang beransur baik.

Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.7% pada tahun 2012. Prestasi pertumbuhan yang kukuh ini disebabkan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan, bantuan fiskal Kerajaan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, dan keadaan pembiayaan yang menyokong perbelanjaan pengguna. Dalam sektor awam, penggunaan awam mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 5% berikutan usaha konsolidasi fiskal yang terus dilaksanakan pada tahun itu.

Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi terus berkembang pada tahun 2012. Sektor pembinaan memperoleh manfaat daripada aktiviti pelaburan yang meningkat dengan kukuh, dan mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sejak tahun 1995. Walaupun pertumbuhan aktiviti berorientasikan eksport terjejas oleh kelembapan permintaan luar negeri, pertumbuhan aktiviti berkaitan dalam negeri, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan, terus disokong oleh prestasi kukuh permintaan dalam negeri.

Keadaan pasaran pekerja terus stabil pada tahun 2012 dengan peningkatan berterusan dalam guna tenaga, yang dicatat terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah pemberhentian pekerja meningkat disebabkan terutamanya oleh pemberhentian lebih tinggi dalam sektor perkilangan. Pada tahun 2012, kadar pengangguran menurun sedikit kepada 3%.

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur melalui perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat purata 1.6% pada tahun 2012 (2011: 3.2%). Inflasi lebih rendah daripada jangkaan disebabkan oleh kadar kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori makanan dan minuman tanpa alkohol dan pengangkutan. Barangan makanan, yang menjadi pendorong utama inflasi sejak beberapa tahun yang lalu, mencatat kenaikan harga yang lebih sederhana berikutan tekanan harga luaran yang perlahan dan peningkatan ketara dalam bekalan makanan tempatan. Magnitud pelarasan harga yang ditadbir juga lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya. Inflasi teras, yang merupakan penunjuk tekanan harga berasaskan permintaan, menjadi sederhana kepada 2.4% pada tahun 2012 (2011: 2.7%).

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2012 meskipun menghadapi persekitaran luaran yang mencabar. Imbangan pembayaran keseluruhan kekal kukuh apabila lebihan akaun semasa lebih daripada mencukupi untuk memenuhi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan. Mencerminkan pelarasan kitaran dan struktur yang berlaku dalam ekonomi global dan ekonomi dalam negeri, lebihan akaun semasa lebih rendah pada RM60 bilion pada tahun 2012 (2011: RM97.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih rendah dan defisit yang lebih besar dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan. Lebihan barangan yang sederhana adalah hasil daripada pertumbuhan import yang teguh, berikutan permintaan dalam negeri yang meningkat, dalam keadaan pertumbuhan eksport yang lebih rendah ekoran permintaan luar negeri yang lemah dan harga komoditi yang lebih rendah. Akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih besar disebabkan terutamanya oleh pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pengangkutan diimport dan penerimaan bersih yang lebih rendah daripada akaun perjalanan, manakala pembayaran pendapatan bersih yang lebih tinggi mencerminkan pendapatan lebih tinggi yang terakru kepada syarikat asing yang melabur di Malaysia.

Dari aspek akaun kewangan, Malaysia terus mencatat aliran modal dua hala, dengan aliran masuk dana asing tertumpu pada prospek pertumbuhan negara yang berdaya tahan. Walaupun wujud ketidakpastian global yang ketara, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) adalah mampan dan kekal menyeluruh. Kebanyakan aliran masuk ini disalurkan ke dalam bidang pertumbuhan yang tinggi, seperti subsektor minyak dan gas dan subsektor perkhidmatan komunikasi. Sebahagian daripada dana turut disalurkan ke dalam projek di bawah ETP. Pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA), sebahagian besarnya dilaksanakan oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan dan sektor minyak dan gas. DIA terus disalurkan ke dalam ekonomi serantau, mencerminkan pendalaman integrasi ekonomi di Asia.

Hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM252.8 bilion (USD81.7 bilion) pada akhir tahun 2012 (2011: RM257.4 bilion), bersamaan dengan 28% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) (2011: 30% daripada PNK). Pada tahun itu, hutang luar negeri jangka sederhana dan jangka panjang sektor swasta meningkat, tetapi sebahagian besarnya diimbangi oleh pembayaran balik bersih hutang luar negeri jangka sederhana dan jangka panjang sektor awam dan pembayaran balik bersih peminjaman jangka pendek antara bank. Penambahan nilai ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama pada tahun 2012 turut menyumbang kepada nilai hutang luar negeri yang lebih rendah dalam nilai ringgit. Secara keseluruhan, profil hutang luar negeri Malaysia terus tertumpu pada struktur tempoh matang yang lebih panjang, dengan hutang jangka sederhana dan jangka panjang mencakupi 63.2% daripada jumlah hutang luar negeri. Hutang luar negeri kekal terurus disebabkan oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh.

Rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM3.9 bilion kepada RM427.2 bilion (bersamaan dengan USD139.7 bilion), pada 31 Disember

2012. Pada 28 Februari 2013, paras rizab berjumlah RM429 bilion (bersamaan dengan USD140.3 bilion), memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.6 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank terus boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada tahun 2012

Dasar monetari pada tahun 2012 memberikan tumpuan pada pengurusan risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah dalam persekitaran inflasi yang lebih sederhana. Meskipun ekonomi Malaysia terus mencatat kadar pertumbuhan yang stabil dan inflasi pula dalam trend yang menurun, tahap ketidaktentuan ekonomi dan kewangan global yang tinggi, kekal sebagai risiko yang berterusan kepada prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dalam usaha untuk memperseimbangkan risiko terhadap inflasi dan pertumbuhan, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) berpandangan bahawa paras kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) semasa adalah wajar, dan kadar dasar semalaman ini dikekalkan pada 3.00% sepanjang tahun 2012.

Permintaan pinjaman yang kukuh sepanjang tahun itu, meskipun memerlukan pemantauan yang rapi, tidak membimbangkan kerana jumlah pertumbuhan pinjaman disokong sebahagian besarnya oleh pemberian pinjaman kepada perniagaan, dengan pinjaman terutamanya menyokong pengembangan industri berorientasikan dalam negeri dan projek berkaitan ETP. Walaupun terdapat kebimbangan mengenai potensi risiko keberhutangan sektor isi rumah yang berlebihan, penilaian yang dibuat menunjukkan risiko hanya terhad kepada segmen tertentu sektor isi rumah. Oleh itu, MPC menyifatkan bahawa perubahan dalam pendirian dasar monetari adalah tidak wajar. Trend ini juga telah ditangani melalui langkah-langkah kehematan makro dan Garis Panduan mengenai Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab yang diperkenalkan pada awal tahun 2012 bagi menggalakkan amalan pinjaman dan peminjaman yang berhemat dan bertanggungjawab. Namun begitu, MPC terus menilai perkembangan dalam kredit isi rumah bagi memastikan risiko keberhutangan isi rumah yang berlebihan dapat dibendung.

Dasar monetari turut berdepan dengan cabaran aliran portfolio yang kekal besar dan tidak menentu sepanjang tahun. Mudah tunai global yang berlebihan dan dalam jumlah yang sangat besar terus mendorong pencapaian pulangan yang lebih tinggi, yang tertumpu pada ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, kerana asas ekonominya yang secara relatif lebih kukuh. Perkembangan dalam ekonomi maju dan perubahan sentimen yang begitu cepat dalam pasaran kewangan global terus menyumbang kepada turun naik aliran portfolio. Secara keseluruhan, sistem kewangan mampu melaksanakan fungsi pengantaraannya dengan berkesan bagi aliran ini tanpa menimbulkan gangguan yang ketara dalam pasaran kewangan dan keadaan monetari domestik. Ini mencerminkan usaha dasar secara kumulatif oleh Bank untuk memperdalam dan meningkatkan daya tahan sistem kewangan Malaysia sepanjang dekad yang lalu.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Prestasi ringgit pada tahun itu dipengaruhi oleh perkembangan global dan serantau dalam keadaan tempoh turun naik yang meningkat dalam pasaran kewangan global. Dari bulan Januari hingga awal bulan Mac 2012, ringgit menambah nilai disebabkan oleh aliran masuk portfolio, disokong oleh asas ekonomi Malaysia yang terus kukuh berikutan prospek pertumbuhan yang positif di Asia dan persekitaran kadar faedah yang rendah dan berpanjangan dalam ekonomi maju. Trend penambahan nilai dalam ringgit bertukar arah sementara waktu antara bulan Mac hingga Jun, apabila ketidakpastian tentang keadaan di rantau ekonomi utama muncul semula. Keadaan ini menyebabkan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi global dan serantau, dan mendorong pelupusan pemegangan aset kewangan dalam rantau ini oleh para pelabur. Walau bagaimanapun, trend penurunan nilai berlaku hanya seketika kerana aliran masuk portfolio meningkat semula pada separuh kedua tahun itu, didorong oleh prestasi ekonomi dalam negeri yang kukuh. Ringgit mengakhiri tahun 2012 pada kadar pertukaran RM3.0583 berbanding dengan dolar AS, lantas mencatat penambahan nilai tahunan sebanyak 3.9%.

Pada tahun itu, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) sebahagian besarnya dipengaruhi oleh gabungan faktor luar dan dalam negeri. Walaupun kebimbangan terhadap krisis hutang kerajaan Eropah muncul semula, namun permintaan yang kukuh daripada bukan pemastautin menyebabkan kadar hasil kekal pada paras yang rendah. Walau bagaimanapun, asas dalam negeri yang kukuh serta peningkatan bekalan bon kerajaan menyebabkan sedikit tekanan menaik terhadap kadar hasil. Pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) dalam negeri mencatat pertumbuhan yang tinggi dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan permintaan yang kukuh terhadap pembiayaan untuk menyokong projek berkaitan infrastruktur, termasuk projek-projek di bawah ETP. Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) meningkat sebanyak 10.3% untuk ditutup pada 1,689 mata pada tahun 2012 (2011: 0.8%). Prestasi positif ini dipacu terutamanya oleh prospek yang menggalakkan bagi ekonomi dalam negeri.

Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi sepanjang tahun 2012. Mudah tunai sektor swasta terus berkembang, terutamanya disebabkan oleh keadaan kredit yang lebih baik dan aliran masuk dana asing yang berterusan. Keadaan mudah tunai dalam pasaran wang antara bank lebih stabil berbanding dengan tahun 2011, mencerminkan aliran dua hala yang lebih seimbang daripada perdagangan dan pelaburan. Operasi pensterilan oleh Bank Negara Malaysia telah dijalankan untuk mencegah peningkatan mudah tunai yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan kewangan.

Keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Pertumbuhan pembiayaan yang kukuh pada tahun itu disebabkan terutamanya oleh pembiayaan perniagaan. Permintaan bagi pinjaman oleh isi rumah adalah sederhana, walaupun secara relatifnya masih kukuh. Pembiayaan bersih melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang pada kadar tahunan 12.4% (2011: 12.5%).

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Prospek Ekonomi Malaysia pada tahun 2013

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang kukuh, dengan peningkatan sebanyak 5-6% pada tahun 2013. Aktiviti ekonomi akan diterajui oleh permintaan dalam negeri yang terus berdaya tahan, dan disokong pula oleh sektor luaran yang beransur-ansur bertambah baik. Pelaburan swasta dijangka kekal kukuh, didorong oleh peningkatan kapasiti oleh firma berorientasikan dalam negeri dan pelaksanaan berterusan projek dengan tempoh tunggu hasil yang panjang. Pelaburan oleh perniagaan berorientasikan luar negeri juga akan menjadi lebih tinggi dalam keadaan permintaan luar negeri yang beransur-ansur bertambah baik. Sementara itu, penggunaan swasta diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada separuh kedua tahun itu, tetapi akan terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Perbelanjaan Kerajaan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih rendah berikutan konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dan apabila peranan sektor swasta menjadi lebih penting. Sejajar dengan sektor luar negeri yang lebih baik, eksport kasar diunjurkan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2013, disokong oleh eksport keluaran perkilangan. Import kasar dijangka menjadi sederhana, sejajar dengan trend yang diunjurkan bagi permintaan dalam negeri. Secara keseluruhan, keadaan ini dijangka menyebabkan sumbangan negatif eksport bersih yang lebih rendah kepada KDNK benar. Dengan pertumbuhan import terus mengatasi pertumbuhan eksport berikutan defisit yang berterusan dalam akaun pendapatan dan pindahan semasa, lebihan akaun semasa, walaupun masih menggalakkan, dijangka terus menjadi lebih kecil pada tahun 2013.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama dijangka mencatat pertumbuhan yang berterusan pada tahun 2013. Sektor perkhidmatan dan perkilangan dijangka menjadi penyumbang utama pertumbuhan keseluruhan, didorong oleh permintaan dalam negeri yang terus berdaya tahan serta disokong oleh aktiviti perdagangan antarabangsa yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan dijangka terus kukuh, disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur yang utama. Dalam sektor komoditi, pertumbuhan sektor pertanian dijangka bertambah baik disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan komoditi makanan yang lebih tinggi, manakala sektor perlombongan pula dijangka menjadi kukuh berikutan pengeluaran gas asli, minyak mentah dan kondensat yang lebih tinggi.

Inflasi keseluruhan dijangka meningkat pada kadar purata 2–3% pada tahun 2013. Unjuran inflasi yang lebih tinggi itu mengambil kira jangkaan kenaikan harga global bagi komoditi makanan terpilih serta pelarasan terhadap harga ditadbir dalam negeri. Tekanan harga berasaskan permintaan dijangka menjadi sederhana. Julat unjuran yang lebih besar mencerminkan ketidakpastian yang lebih tinggi dalam persekitaran luar dan dalam negeri.

Secara keseluruhan, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia akan terus disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh. Yang penting, keadaan pasaran pekerja dijangka terus menggalakkan, dengan kadar pengangguran diunjurkan kekal rendah pada 3.1% daripada jumlah tenaga kerja pada tahun

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

2013. Selain itu, sistem kewangan terus berdaya tahan untuk menghadapi persekitaran luar yang semakin mencabar, dengan pengantaraan kewangan dijangka terus memberikan sokongan padu kepada aktiviti ekonomi dalam negeri. Pengenalan langkah kehematan makro dan dasar lain telah membantu menguruskan risiko disebabkan oleh keberhutangan isi rumah yang meningkat. Kekukuhan kedudukan luaran Malaysia kekal mantap, dengan rizab antarabangsa pada paras yang kukuh dan hutang luar negeri yang rendah serta pada paras yang berhemat.

Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dalam keadaan persekitaran luar yang semakin mencabar. Kemungkinan ketidakstabilan muncul semula dalam kawasan euro dan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi rakan perdagangan utama Malaysia mungkin memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia. Meskipun tekanan daripada harga komoditi global telah berkurang, risiko tekanan yang meningkat yang berpunca daripada faktor bukan asas, seperti keadaan cuaca yang buruk dan perkembangan geopolitik, boleh menyebabkan kenaikan harga komoditi dan memberikan kesan buruk terhadap pertumbuhan ekonomi rakan perdagangan utama Malaysia. Sebaliknya, terdapat juga potensi pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lebih tinggi sekiranya pertumbuhan dalam ekonomi maju menjadi lebih baik daripada jangkaan.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada tahun 2013

Dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar ini, tumpuan dasar oleh Bank adalah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan, selain mengurangkan risiko yang berpunca daripada persekitaran global, termasuk kejutan yang mungkin berlaku terhadap inflasi.

Dasar monetari pada tahun 2013 akan tertumpu pada usaha menangani sebarang kemungkinan risiko terhadap inflasi dan pertumbuhan. Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) menyifatkan paras semasa OPR dan pendirian dasar monetari pada masa ini adalah wajar bagi prospek inflasi dan pertumbuhan. Selain keadaan dalam negeri, MPC akan terus membuat penilaian dengan teliti terhadap perkembangan ekonomi dan kewangan global dan implikasinya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan bagi ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Dasar fiskal pada tahun 2013 akan terus tertumpu pada usaha mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam negeri dan memudahkan transformasi ekonomi jangka panjang, dan pada masa yang sama memastikan kemampanan kewangan awam. Dalam Bajet 2013, penekanan diberikan pada usaha memastikan penggunaan sumber fiskal yang cekap, mencapai pertumbuhan yang inklusif dan mengukuhkan pengurusan fiskal, yang kesemuanya dalam landasan rancangan konsolidasi fiskal yang mampan dan beransur-ansur.

Penyata Kewangan Teraudit Bank Negara Malaysia tahun 2012

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, seperti yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2012. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM476.3 bilion, dengan keuntungan bersih

sebanyak RM5.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Bank Negara Malaysia mengumumkan pembayaran dividen sebanyak RM1.5 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2012.

Bank Negara Malaysia
20 Mac 2013

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my